

KEMPEN PEROLEHAN DALAM TALIAN KAD KREDIT

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Dalam Talian dengan Cagaran Deposit Tetap” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Januari 2021** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Mac 2021** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Deposit Tetap HLB sedia ada dan Pemegang Kad Kredit Prinsipal baharu (“Pemegang Kad Prinsipal NTC”) yang semasa Tempoh Kempen telah memohon sekurang-kurangnya satu (1) Kad Layak seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah melalui Laman Web Korporat di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”).

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor’s Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirate Platinum
Sutera Platinum	The Store Gold/Platinum
WISE Gold	Pacific Gold/Platinum
Essential Gold	l’m

2. Pelanggan Deposit Tetap HLB bermaksud pelanggan deposit tetap sedia ada yang memegang minimum satu (1) pelan deposit tetap sah seperti tersenarai di bawah:
 - (i) e-Deposit Tetap;
 - (ii) Deposit Tetap Premium Perbankan Prioriti;
 - (iii) Deposit Tetap Fleksi Senior Savers; atau
 - (iv) Deposit Tetap dengan kadar istimewa atau promosi;dan bersetuju untuk mencagarkan deposit tetap dengan permohonan kad kredit.
3. Pemegang Kad Prinsipal NTC bermaksud pemegang kad baharu yang tidak memegang mana-mana Kad Kredit HLB sedia ada (termasuk Mac) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada Fasal 4 di bawah.
4. Golongan berikut **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Prinsipal NTC dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:

- (i) Pemegang Kad Prinsipal sedia ada mana-mana Kad Kredit HLB;
- (ii) Pemegang Kad yang telah menyertai Kempen Perolehan Kad Kredit HLB yang lain dalam tempoh yang sama;
- (iii) Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
- (iv) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
- (v) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (vi) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.

5. Bagi tujuan Kempen ini:

- (i) semua permohonan Kad Layak oleh pelanggan Deposit Tetap HLB dan Pemegang Kad Prinsipal NTC melalui atau Laman Web Korporat HLB semasa Tempoh Kempen adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **30 April 2021**; dan
- (ii) semua Kad Layak diluluskan mestilah diaktifkan melalui HLB Connect atau Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dalam masa empat puluh lima hari (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak supaya pelanggan Deposit Tetap HLB dan Pemegang Kad Prinsipal NTC layak menyertai Kempen ini (“**Pemegang Kad Layak**”).

KAEDAH KEMPEN

6. Dengan syarat Fasal 5 di atas ini dipenuhi, Pemegang Kad Layak akan berhak menikmati tawaran-tawaran berikut:

(a) Pengecualian Fi Tahunan

- (i) Pemegang Kad yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 7 di bawah) berapa pun amaunnya bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, akan berhak menikmati pengecualian fi tahunan tahun pertama (“**Pengecualian Fi Tahunan**”).
- (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak menikmati pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria di atas menurut Fasal 5(a)(i).

(b) Pulangan Tunai RM25 (“Pulangan Tunai 1”)

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 7 di bawah) dari sebarang jumlah untuk setiap Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak mendapat Pulangan Tunai 1.

- (ii) Setiap Pemegang Kad Layak berhak mendapat sehingga Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) Pulangan Tunai bagi setiap Tempoh Kempen.
- (iii) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 1 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus (RM37,800) atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (iv) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat seperti dinyatakan di atas ("**Pemenang Pulangan Tunai 1**"), Pulangan Tunai 1 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai 1 menurut Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 1

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pemenuhan Kempen
Januari 2021	Sebelum/pada 31 Mei 2021
Februari 2021	Sebelum/pada 30 Jun 2021
Mac 2021	Sebelum/pada 31 Julai 2021
April 2021	Sebelum/pada 31 Ogos 2021

- (v) Para pemenang Pulangan Tunai 1 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 1 (iaitu nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan sama dengan Bulan Pemenuhan Kempen.
 - (vi) Sekiranya Pulangan Tunai 1 tidak diterima, para Pemenang Pulangan Tunai 1 hendaklah memberitahu HLB melalui Pusat Hubungan Hong Leong di +603-7626 8899 selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Kempen, jika tidak para Pemenang Pulangan Tunai 1 akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1.
 - (vii) HLB tidak berkewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai 1 telah mencecah peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus (RM37,800) sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
- (c) Pulangan Tunai 25% atas Perbelanjaan Runcit ("**Pulangan Tunai 2**")**
- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dengan Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak mendapat Pulangan Tunai 25% atas jumlah Perbelanjaan Runcit.
 - (ii) Setiap Pemegang Kad Layak berhak mendapat sehingga Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) Pulangan Tunai 2 bagi setiap Tempoh Kempen.
 - (iii) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 2 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Lima Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus (RM529,200) atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
 - (iv) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat seperti dinyatakan di atas ("**Pemenang Pulangan Tunai 2**"), Pulangan Tunai 2 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai 2 mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 2

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pemenuhan Kempen
Januari 2021	Sebelum/pada 31 Mei 2021
Februari 2021	Sebelum/pada 30 Jun 2021
Mac 2021	Sebelum/pada 31 Julai 2021
April 2021	Sebelum/pada 31 Ogos 2021

- (viii) Para pemenang Pulangan Tunai 2 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 2 (iaitu nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Kempen.
- (ix) Sekiranya Pulangan Tunai 2 tidak diterima, para Pemenang Pulangan Tunai 2 hendaklah memberitahu HLB melalui Pusat Hubungan Hong Leong di +603-7626 8899 selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Kempen, jika tidak para Pemenang Pulangan Tunai 2 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 2.
- (x) HLB tidak berkewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai 2 telah mencecah peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Lima Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus (RM529,200) sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
7. Perbelanjaan Runcit bermaksud sebarang pembelian runcit dan dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah Faedah 0% (“**EPF**”)) dilakukan di dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dibuat dalam Ringgit Malaysia (“**RM**”) dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian Runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
8. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
- (i) pengeluaran tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Call-For-Cash Plus (“**CFC Plus**”), Call-For-Cash (“**CFC**”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - (iii) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (v) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

TERMA & SYARAT AM

9. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan Deposit Tetap HLB dan Pemegang Kad Prinsipal NTC:

- (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
- (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB sepanjang Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
- (iv) bersetuju Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
- (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan membuat susulan dengan HLB untuk mengetahui jika mereka telah dimasukkan dalam senarai kelayakan menerima Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2;
- (vi) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) yang HLB fikir wajar untuk tujuan Kempen ini; dan
- (vii) bersetuju untuk memastikan semua Kad Layak yang diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2.

10. HLB berhak:

- (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 atau tidak mematuhi T&S di dalam ini;
- (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC;
- (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini; dan
- (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.

11. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
12. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, pelanggan Deposit Tetap HLB dan Pemegang Kad Prinsipal NTC bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
14. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak NTC bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
15. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.